



SIARAN MEDIA

RM3.14 JUTA UNTUK 27 RIBI JOHOR, BUKTI KOMITMEN KERAJAAN MADANI PELIHARA KEPELBAGAIAN

KLUANG, 26 Jun 2026 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyalurkan peruntukan berjumlah RM3,142,961.66 kepada 27 Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) di Johor bagi tahun 2026 sebagai usaha memperkukuh keharmonian masyarakat majmuk, memelihara kebebasan beragama serta memastikan kemudahan rumah ibadat terus berada dalam keadaan selamat, selesa dan kondusif untuk kegunaan komuniti setempat.

Peruntukan tersebut disampaikan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming sempena **Majlis Penyerahan Peruntukan Inisiatif Penyelenggaraan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Negeri Johor** yang berlangsung di Persatuan Memperbaiki Akhlak Che Luan Khor, Kluang, bersempena siri jelajah **Program Sentuhan Kasih KPKT 4.0 Tahun 2026 di negeri Johor**.

Peruntukan yang disalurkan itu akan dimanfaatkan bagi melaksanakan kerja-kerja pengubahsuaian, penyelenggaraan, pembinaan baharu serta pembaikan kecemasan rumah ibadat bukan Islam di seluruh negeri bagi memastikan kemudahan tersebut dapat terus berfungsi dengan baik demi manfaat masyarakat setempat.

Sejak tahun 2023 hingga 20 Mei 2026, Johor telah menerima peruntukan keseluruhan sebanyak RM18.75 juta yang memberi manfaat kepada 154 buah Rumah Ibadat Bukan Islam di seluruh negeri. Bantuan tersebut telah membantu pelbagai projek penyelenggaraan dan penambahbaikan kemudahan rumah ibadat sekali gus menyokong kesejahteraan komuniti setempat.

YB Tuan Nga Kor Ming menegaskan bahawa Kerajaan MADANI sentiasa komited untuk memastikan tiada komuniti yang tercicir daripada menikmati manfaat pembangunan negara tanpa mengira kaum, agama dan latar belakang.

"Kerajaan MADANI tidak melihat pembangunan melalui lensa kaum atau agama semata-mata, sebaliknya memastikan setiap komuniti mendapat manfaat secara adil dan saksama demi memperkukuh perpaduan negara. Kepelbagaian yang menjadi identiti Malaysia perlu terus dipelihara dan diraikan sebagai kekuatan yang menyatukan rakyat," katanya.

Beliau berkata, Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum, agama dan budaya perlu terus memelihara semangat toleransi serta saling menghormati, selaras dengan prinsip Malaysia MADANI yang menekankan nilai keterangkuman, kesejahteraan dan perpaduan nasional. Kerajaan juga akan terus memastikan hak kebebasan beragama dipelihara di samping menghormati Islam sebagai agama Persekutuan sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Di peringkat nasional, **Kerajaan Persekutuan melalui KPKT telah memperuntukkan sebanyak RM200 juta bagi melaksanakan Inisiatif Penyelenggaraan RIBI untuk tempoh empat tahun berturut-turut dari tahun 2023 hingga 2026.** Inisiatif ini membuktikan komitmen berterusan kerajaan dalam memastikan kemudahan rumah ibadat bukan Islam di seluruh negara terus dipelihara dan dipertingkatkan demi kesejahteraan masyarakat.

Sehingga kini, sebanyak 1,478 permohonan telah diterima melalui Sistem e-RIBI dengan nilai keseluruhan melebihi RM279 juta, mencerminkan keperluan berterusan terhadap penyelenggaraan dan penambahbaikan rumah ibadat bukan Islam di seluruh negara. Bagi memastikan ketelusan dan keberkesanan pelaksanaan inisiatif ini, KPKT akan terus memantau setiap projek yang diluluskan secara profesional, cekap dan telus agar peruntukan kerajaan disalurkan kepada organisasi yang benar-benar layak.

Program Sentuhan Kasih KPKT 4.0 Tahun 2026 merupakan platform kementerian untuk mendekati rakyat, meninjau pelaksanaan projek pembangunan serta memastikan setiap dasar dan inisiatif yang dilaksanakan memberi impak secara langsung kepada kesejahteraan komuniti.

KPKT akan terus memperkukuh pendekatan turun padang bagi memastikan manfaat pembangunan dapat dirasakan oleh seluruh rakyat selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Turut hadir ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti), YBrs. Tuan Zulkeflee bin Sulaiman, Pengerusi Persatuan Memperbaiki Akhlak Che Luan Khor, Kluang, YBhg. Dato' Sri Pang Chee Khiong, serta ketua-ketua jabatan dan pegawai kanan KPKT.

#MalaysiaMADANI
#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertivi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh :

Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel media.ukk@kpkt.gov.my

